

Resah limpahan lumpur setiap kali hujan lebat

SUNGAI CHOH - Sebuah keluarga di Kampung Stesen, di sini, diselubungi resah apabila terpaksa berdepan dengan kesulitan disebabkan limpahan air longkang yang membajiri kawasan rumah mereka setiap kali hujan lebat.

Nordin Rahman, 45, berkata, dia bimbang masalah itu akan menjadi lebih buruk sekiranya tiada tindakan penyelesaian segera dilakukan pihak berwajib.

"Saya sudah beberapa kali mengajukan masalah ini kepada pihak berwajib, termasuk ketua kampung sama ada di peringkat negeri mahupun persekutuan.

"Tapi, sampai sekarang tiada tindakan diambil. Ada yang datang melawat tetapi tiada tindakan susulan dan sampai sekarang masih tiada perubahan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, struktur longkang tersebut juga telah merekah dan membentuk lubang akibat daripada limpahan air.

Berikutan itu, katanya, dia bimbang keselamatan ibunya yang sudah tua sekiranya tinggal mereka keluar bekerja.

"Saya bimbangkan keselamatan ibu saya yang sudah tua kerana dia sering tinggal ber-



Nordin menunjukkan longkang bermasalah sehingga mengakibatkan banjir lumpur di kawasan rumahnya setiap kali hujan lebat.

dua dengan cucunya apabila kami keluar bekerja.

"Bimbang fikirkan apa yang mereka akan

buat kalau hujan lebat dan lumpur memasuki rumah," katanya.

Difahamkan, banjir lumpur yang berlaku

setiap kali hujan lebat itu dipercayai disebabkan sistem saliran sedia ada tidak dapat menampung aliran kapasiti air yang begitu banyak dalam satu-satu masa.

Memikirkan risiko kesulitan yang bakal dihadapinya jika masalah itu tidak ditangani, dia terpaksa menambak tanah yang berfungsi sebagai benteng.

Menurutnya, benteng itu penting bagi mengelak limpahan lumpur itu berterusan sementara menunggu tindakan prihatin daripada pihak yang berkenaan.

Bagaimanapun, katanya, benteng itu tidak akan bertahan lama dan sedikit masa lagi akan terhakis.

"Sebab itulah, saya menggesa pihak berwajib memandang serius masalah kami.

"Fikirkanlah kesulitan yang bakal kami hadapi jika masalah ini berterusan tanpa ada sebarang penyelesaian," katanya.

Dalam pada itu, dia kesal apabila hanya maklum balas menerusi khidmat pesanan ringkas (SMS) diperolehi apabila aduan mengenai masalah itu diajukan kepada pihak berwajib.

"Mereka beritahu tidak dapat turun pandang jika tidak bersama pemimpin," katanya.